

Bab 4 Percanggahan Antara Dua Peradaban dan Masalah Etnik

Politik Malaya sering berunsur perkauman, gejala ini boleh diperhatikan dari dua aspek, iaitu struktur Parti Perikatan, dan perkembangan politik yang berunsur perkauman sejak kemerdekaan Malaya.⁹⁰

Pada sekitar tahun 1940-an hingga 1960-an, pernah muncul suatu kuasa sayap kiri, iaitu sosialis dan komunis, kuasa-kuasa ini muncul sebagai parti yang bertemakan perjuangan kelas dan menjadi cabaran terhadap Parti Perikatan yang terdiri daripada komponen-komponen parti perkauman. Namun, kuasa sosialis ini merosot satu demi satu selepas 1960-an, akhirnya hanya tinggal parti yang bersifat perkauman dalam arena politik Malaya.

Justeru itu, perkauman merupakan tema utama perkembangan politik dan sosial semenjak era kemerdekaan. Keadaan ini dinamakan sebagai “politik perkauman” yang boleh ditinjau melalui percanggahan yang berlaku dalam aspek pendidikan dan kewarganegaraan, iaitu kumpulan-kumpulan etnik memperjuangkan kehendak masyarakat masing-masing melalui parti-parti dan pertubuhan perkauman yang mewakili kepentingan etnik masing-masing. Mahupun Parti Perikatan atau Barisan Nasional kemudiannya, sepanjang perjuangan mereka tidak terpisah daripada kepentingan perkauman, begitu juga *dongzong* 董总 (The United Chinese School Committees' Association of Malaysia) dan *jiaozong* 教总 (The United Chinese School Teachers' Association

⁹⁰ Lin Kaizhong 林开忠, *Jiangou Zhong de “Huaren Wenhua” : Zuqun Shuxing, Guojia yu Huajiao Yundong* 建构中的“华人文化”：族群属性、国家与华教运动 (Pembinaan Peradaban Orang Cina: Etniksiti, Negara dan Gerakan Pendidikan Cina), m/s 75.

of Malaysia) yang mewakili kepentingan pendidikan ibunda masyarakat Cina turut memainkan peranannya dalam menjaga kepentingan etnik Cina.

4.1 Gerakan Pendidikan Cina

Usaha menubuhkan sekolah Cina di kalangan imigran Cina merupakan manifestasi kecenderungan orang Cina terhadap peradaban Cina. Walaupun orang Cina belum mempunyai keadaan hidup yang selesa pada peringkat awal, mereka sudahpun berusaha sedaya upaya mendirikan sekolah keluarga yang dinamakan *sishu* 私塾.

Seperti yang dihuraikan lebih awal, sebelum tahun 1920-an, kandungan pelajaran dan guru diimport dari Negeri China. Pihak British sebagai penjajah jarang campur tangan, mahupun secara kewangan atau pentadbiran dalam urusan sekolah tersebut. Walaupun demikian, Akta Pendaftaran Sekolah 1920 digubal oleh pihak penjajah berikutan penyerapan parti-parti politik yang berleluasa di sekolah-sekolah Cina pada tahun 1919, khasnya Guomindang yang menjadikan sekolah-sekolah tersebut sebagai pentas politik mereka. Para pelajar dihasut untuk mengadakan demonstrasi bagi menyokong gerakan anti-Jepun dan gerakan *May Fourth*, keadaan ini didapati mengancam ketenteraman awam yang akhirnya mengancam kepentingan ekonomi British.⁹¹ Akta Pendaftaran Sekolah 1920 bukan sahaja menjadi cabaran terhadap sistem pendidikan Cina, malah akta ini bagaikan bencana yang melanda secara mengejut, para pemimpin pendidikan

⁹¹ Zheng Liangshu 郑良树, *Malaysia Huawen Jiaoyu Fazhan Shi* 马来西亚华文教育发展史 (Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia), Jilid 2. Kuala Lumpur: The United Chinese School Teachers' Association of Malaysia, 1999, m/s 19.

diberkas, dihalau keluar dan pertubuhan pendidikan diharamkan. Namun, “ bencana” ini berjaya menyatupadukan masyarakat Cina dalam menghadapi isu pendidikan.⁹²

Menurut Zheng Liangshu yang menjalankan kajian mendalam terhadap implikasi akta tersebut, beliau mendapati pengenalan akta tersebut membawa implikasi mendalam terhadap masyarakat Cina. Kewujudan akta ini menjadi peluang yang baik bagi merealisasikan perpaduan masyarakat Cina secara kebangsaan. Sebelum ini, perjuangan pendidikan Cina hanya bersifat kedaerahan. Seterusnya, pengenalan akta tersebut turut berjaya menumpukan fokus masyarakat Cina terhadap isu peradaban dan pendidikan. Sebelum ini, hanya isu perdagangan dan ekonomi mendapat perhatian masyarakat Cina. Ini bererti krisis yang timbul berikutan pengenalan Akta Pendaftaran Sekolah 1920 secara tidak terduga menjadi peluang yang berjaya menaikkan pendidikan sebagai isu yang mendapat perhatian meluas dalam masyarakat.⁹³

Bermula dari isu Akta Pendaftaran Sekolah 1920, masyarakat Cina mulai sedar bahawa kesinambungan pendidikan Cina mempunyai hubungan erat dengan kesinambungan peradaban masyarakat. Mereka juga bekerja keras bagi menukuhan lebih banyak sekolah Cina, dianggarkan pada peringkat awal

⁹² Akta Pendaftaran Sekolah 1920 menetapkan 3 syarat yang perlu diikuti oleh semua sekolah. Pertama sekolah hanya untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran. Kedua, guru-guru sekolah diwajibkan menerima latihan perguruan dan ketiga ialah pengajaran sekolah tidak boleh bertentangan dengan kepentingan penjajah. Sila rujuk Zheng Liangshu 郑良树, *Malaixiya, Huawen Jiaoyu Fazhan Shi* 马来西亚华文教育发展史 (Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia), Kuala Lumpur: The United Chinese School Teachers' Association of Malaysia, 1999, m/s 21-54.

⁹³ Zheng Liangshu 郑良树, *Malaixiya, Huawen Jiaoyu Fazhan Shi* 马来西亚华文教育发展史 (Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia), Jilid 2. Kuala Lumpur: The United Chinese

pelaksanaannya, hanya terdapat 32 buah sekolah Cina, tetapi menjelang tahun 1931, jumlah sekolah Cina bertambah menjadi 190 buah di seluruh Malaya. Justeru itu, kita boleh menyimpulkan bahawa sebelum merdeka, pendidikan Cina sudah menerima cabaran dari pihak pemerintah.

4.2 Pendidikan Sebagai Alat Perpaduan

Hubungan antara pengekalan pendidikan bahasa ibunda dengan perpaduan kebangsaan menjadi tajuk perbalahan antara masyarakat Cina dengan pihak pemerintah. Polisi pendidikan negara sering disifatkan sebagai jalan bagi perpaduan kebangsaan. Pada tahun 1956, Laporan Razak menggariskan matlamat akhir pendidikan negara, iaitu keseragaman bahasa pengantar bagi memupuk perpaduan kebangsaan.

Bagaimanapun, percanggahan masyarakat Cina dengan pihak pemerintah yang berpanjangan berpunca daripada “matlamat akhir” tersebut. Secara amnya, bagi masyarakat Cina, pengekalan pemakaian bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar pendidikan tidak bercanggahan atau menjadi cabaran terhadap perpaduan kebangsaan. Mereka berpendapat bahawa peluang menerimaan pendidikan Cina tidak menghalang kesetiaan mereka terhadap negara baru. Sebaliknya, pihak kerajaan berpendapat sekolah kebangsaan dan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar pendidikan adalah penting bagi mewujudkan perpaduan kebangsaan.

Bagi masyarakat Cina dan para pejuang pendidikan Cina, mereka rata-rata bersepakat bahawa hak menerima pendidikan bahasa ibunda adalah hak asasi manusia yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Perkara ini adalah selaras dengan pendapat Zheng Liangshu yang berpendirian bahawa bahasa hanya alat mendapatkan ilmu pengetahuan, melalui bahasa, kita mengetahui pengetahuan agama, sastera, seni, sejarah dan peradaban. Sebaliknya, penerapan ilmu merupakan matlamat akhir pendidikan. Beliau turut berpendapat bahawa bahasa tidak haruslah dikaitkan secara langsung dengan perpaduan kebangsaan, padahal perpaduan kebangsaan boleh dicapai melalui pertukaran kandungan pelajaran yang berorientasi tempatan.⁹⁴

Dari segi teori, percanggahan tersebut boleh dijelaskan melalui teori “*primodial sentiments*” dan “*primodial attachment*” yang dikemukakan oleh Clifford Geertz. Clifford Geertz menggunakan kedua-dua konsep ini untuk menerangkan bagaimana sentimen asli sesebuah etnik sering bercanggah dengan perpaduan kebangsaan yang ingin dicapai akibat sesetengah kumpulan etnik yang menduduki negara baru kebetulan membawa peradaban yang berlainan dengan peradaban di bawah polisi peradaban yang ingin dicapai oleh pemerintah negara baru.⁹⁵

⁹⁴ Zhen Liangshu 郑良树, “*Huawen Jiaoyu Chaoyue Rentong de Kunjing* 华文教育超越认同的困境 (Pendidikan Cina: Kesulitan dan Identifikasi)” dalam Lin Shuihao 林水壕 dan Fu Sunzhong 傅孙中, eds., *Dongnanya Wenhua Chongtu yu Zhenghe* 东南亚文化冲突与整合 (Pertembungan dan Integrasi Peradaban Asia Tenggara), m/s 61.

4.3 Kewarganegaraan

Seperti yang ditegaskan awal, selain pendidikan, kewarganegaraan juga merupakan salah satu isu yang menjadi perbalahan antara orang Cina dan orang Melayu sebelum dan selepas kemerdekaan Malaya. Isu ini bukan sahaja menjadi isu perbalahan, malah menghalang integrasi kebangsaan.

Sebelum era kemerdekaan, orang Cina sebagai imigran tidak mempunyai status kewarganegaraan yang sah, kedudukan mereka hanya sebagai penumpang sementara. Pada era ini juga, mereka tidak mempunyai keinginan yang kuat untuk mendapatkan status kewarganegaraan. Dalam erti kata lain, pada era tersebut status kewarganegaraan tidak menjadi idaman orang Cina.

Sebaliknya, apabila Malaya mencapai kemerdekaan dan Negara China dikuasai oleh rejim komunis, orang Cina mula berfikir tentang masa depan mereka dan ramai yang membuat keputusan untuk bermastautin. Oleh yang demikian, tidak hairanlah walaupun terdapat usaha di kalangan masyarakat Cina untuk mendapatkan status kewarganegaraan sebelum era kemerdekaan, tetapi usaha tersebut hanya menjadi popular selepas kemerdekaan Malaya pada tahun 1957.

4.4 Pertembungan Antara Dua Peradaban

⁹⁵ Clifford Geertz, *The Interpretation of Culture*. London: Hutchinson & Co., 1973, m/s 261-263.

Perpaduan menjadi agenda penting bagi negara bangsa yang baru merdeka. Secara amnya, ia berpunca daripada keinginan pembentukan satu identiti baru yang dilaksanakan atas nama “ perpaduan” . Hasrat perpaduan sebenarnya tidak dibantah oleh mana-mana etnik, bagaimanapun kaedah atau pendirian yang sepatutnya diambil bagi tujuan tersebut mencetuskan percanggahan pendapat antara etnik, khasnya antara masyarakat Melayu dan Cina.

Secara amnya, orang Cina walaupun bersetuju bahawa sebagai warga Malaya perlu taat terhadap negara, tetapi berikutan pengaruh ajaran Konfusianisme, khasnya nilai *zhong* atau ketaatsetiaan, berpendapat bahawa kesetiaan terhadap peradaban asal dan pembelajaran bahasa ibunda merupakan tanggungjawab seseorang individu dan ia tidak bercanggah atau mencabar ketaatan terhadap negara baru. Sebaliknya, sebagaimana yang diperjuangkan oleh UMNO bagi menukuhkan sebuah negara baru yang bersepodu di bawah satu identiti kebangsaan, ini termasuklah pemakaian satu bahasa, peradaban dan sistem pendidikan kebangsaan, agenda ini ternyata berlain daripada hasrat masyarakat Cina.

Bagaimanapun, perkembangan sejarah Malaya selepas kemerdekaan memperlihatkan bagaimana status kewarganegaraan bertukar menjadi suatu kontrak sosial antara Melayu-Cina, di mana orang Melayu bersetuju membuka peluang kewarganegaraan yang lebih longgar kepada orang Cina dan orang Cina bersetuju dengan kewujudan hak istimewa orang Melayu.

Menurut Tan Cheng Lock (Chen Zhenlu 陈桢禄, 1883-1960), presiden pertama MCA, terdapat beberapa sebab orang Cina perlu diberi status kewarganegaraan. Pertama, pemberian status kewarganegaraan mencerminkan kepercayaan kerajaan terhadap mereka. Jika tidak, mereka akan terus terjerumus dalam kegiatan komunis. Selain itu, pemberian status kewarganegaraan juga bertujuan menghindarkan mereka dari pengaruh politik Tanah Besar China. Menurut beliau, apabila orang Cina menjadi warganegara Malaya, walaupun mereka masih mengamalkan peradaban sendiri, tetapi apa yang membezakan mereka daripada keadaan awal ialah kini mereka menjadi warga tempatan tetap dan bukan lagi penumpang sementara.⁹⁶

4.5 Dasar Kewarganegaraan

Pada 15hb September 1945, British kembali ke Tanah Melayu selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua. Mereka bukan sahaja menghidupkan kembali pemerintahan penjajahan, tetapi juga berazam untuk membentuk semula sistem pemerintahan Tanah Melayu dengan mencadangkan penubuhan unit pentadbiran baru yang dikenali sebagai Malayan Union. Rancangan Malayan Union mendapat sambutan hangat masyarakat Cina kerana perlengkapaannya yang memberi kelonggaran dalam syarat kewarganegaraan, termasuklah pemakaian prinsip tempat kelahiran atau *jus soli* yang membolehkan ramai generasi baru imigran mendapat hak kewarganegaraan. Bagi mereka yang bukan kelahiran tempatan,

⁹⁶ Chen Chunde 陈春德 dan Fu Sunzhong 傅孙中, eds., *Malaysia Huaren Chuangyeshi* 马来西亚华人创业史 (Sejarah Perkembangan Perniagaan Orang Cina Malaysia). Kuala Lumpur: Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, 1998, m/s 178.

meraka hanya perlu memenuhi syarat bermastautin selama 5 tahun bagi mendapatkan kewarganegaraan di bawah rancangan tersebut.

Walau bagaimanapun, rancangan Malayan Union gagal menjadi realiti berikutan penentangan orang Melayu. Pada 23hb Disember 1946, British mengumumkan rancangan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union. Di bawah perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu, hak kewarganegaraan adalah lebih ketat bagi imigran asing, kewarganegaraan hanya ditawarkan kepada:

- 1) Orang Melayu dan rakyat British yang lahir di negeri Melaka dan Pulau Pinang.
- 2) Rakyat British yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu di mana ibu bapa mereka sudah menjadi warga tempatan selama lima belas tahun.

Jadi, orang Cina rata-rata tidak memenuhi kedua-dua kategori yang ditetapkan. Sebaliknya, peruntukan bagi mereka mendapatkan hak kewarganegaraan ialah:

- 1) Mereka yang kelahiran persekutuan dan perlu bermastautin selama lapan tahun sebelum tarikh permohonan.
- 2) Bagi mereka yang bukan kelahiran persekutuan, mereka harus memenuhi syarat sebagai pemastautin selama lima belas daripada dua puluh tahun sebelum tarikh permohonan.
- 3) Berakhhlak baik.
- 4) Berjaya menguasai asas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- 5) Berikrar menjadi penduduk kekal dan taat setia terhadap persekutuan.

Sehingga tahun 1950, hanya terdapat satu perempat daripada jumlah orang Cina yang berjaya memperolehi hak kewarganegaraan. Syarat-syarat

kewarganegaraan yang ketat menyebabkan orang Cina rata-rata tidak berpuas hati. Berikutan itu, MCA mencadangkan prinsip *jus soli* digunakan, iaitu memberi hak kewarganegaraan secara automatik kepada mereka yang kelahiran tempatan.⁹⁷

Menjelang tahun 1951, satu jawatankuasa ditubuhkan oleh pihak berkuasa bagi mengkaji semula syarat kewarganegaraan tahun 1948. Satu rang undang-undang kewarganegaraan yang lebih longgar digubal dan dikuatkuaskan pada 15hb November 1952. Di bawah undang-undang baru, kewarganegaraan ditawarkan kepada:

- 1) Rakyat Sultan (orang Melayu) dan rakyat British yang kelahiran Negeri Melaka dan Pulau Pinang
- 2) Imigran luar yang sudah bermastautin selama sepuluh (sebelum ini perlu mencapai lima belas tahun) daripada lima belas tahun sebelum tarikh permohonan berhak mendapat hak kewarganegaraan.
- 3) Dalam lima tahun pertama selepas rang undang-undang baru dikuatkuaskan, para pemohon berhak mendapat kelonggaran ujian bahasa.

Selepas penguatkuasaan rang undang-undang kewarganegaraan ini, jumlah orang Cina yang berjaya mendapat hak kewarganegaraan nyata bertambah, MCA turut mengambil inisiatif melancarkan kempen menggalakkan orang Cina supaya memohon bagi mendapatkan hak kewarganegaraan tempatan.

Pada tahun 1954, atas inisiatif Dewan Perhimpunan Cina, prinsip *jus soli* mula diperjuangkan oleh masyarakat Cina. Pada 27hb March 1956, satu

⁹⁷ Zhu Zicun 朱自存, “*Duli Qian Xima Huaren Zhengzhi Yanbian* 独立前西马华人政治演变 (Perkembangan Politik Orang Cina Malaysia Barat Sebelum Merdeka)” dalam Lin Shuihao 林水壕, He Qiliang 何启良, He Guozhong 何国忠, Lai Guanshu 赖观福, eds., *Malaixiya Huaren Shi Xinbian* 马来西亚华人史新编 (Edisi Baru Sejarah Orang Cina Malaysia), Jilid 2, m/s 53.

perhimpunan yang menghimpunkan para wakil Dewan Perhimpunan Cina dari seluruh negara diadakan di Kuala Lumpur.

Perhimpunan tersebut meluluskan resolusi menyeru masyarakat Cina bersama-sama membina negara baru dan berpendapat bahawa bagi menyenangkan kehidupan orang Cina di Malaya, pemberian hak kewarganegaraan secara *jus soli* dan kesamaan taraf kepada semua kumpulan etnik adalah penting. Dalam perhimpunan tersebut, empat resolusi diluluskan:

- 1) Perhimpunan menyeru supaya hak kewarganegaraan diberikan kepada semua bayi yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu.
- 2) Hak kewarganegaraan juga diberi kepada para imigran yang bermastautin selama lima tahun dan ujian bahasa dimansuhkan.
- 3) Semua warga mempunyai hak sama rata dan tanggungjawab bersama.
- 4) Ketiga-tiga bahasa, iaitu Bahasa Melayu, Cina dan Tamil diberi status bahasa rasmi.

Namun, selepas merdeka, isu hak kewarganegaraan orang Cina berjaya diredakan berikutan syarat kewarganegaraan yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan yang menetapkan kewarganegaraan automatik atau *jus soli* kepada mereka yang kelahiran persekutuan. Bagi para imigran yang bukan kelahiran tempatan, mereka hanya perlu menjadi pemastautin selama 5 daripada 7 tahun sebelum tarikh permohonan.

Penutup:

Daripada perbincangan di atas, kita dapat memahami bagaimana isu pendidikan dan kewarganegaraan menjadi isu hangat yang diperdebat dan diperjuangkan oleh kedua-dua etnik terbesar, iaitu masyarakat Melayu dan masyarakat Cina selepas kemerdekaan Malaya. Kewarganegaraan bukan sahaja merupakan jaminan hidup bagi mana-mana etnik, malah ia merupakan maruah dan pengiktirafan status seseorang individu atau kumpulan dalam sesebuah negara.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah imigran Cina bertungkus-lumus memperjuangkan status kewarganegaraan. Bagi mereka, status kewarganegaraan seakan-akan penghargaan pihak pemerintah terhadap ketakatan mereka hasil perubahan orientasi politik dan identiti yang dilakukan mereka.

Sebaliknya, pengekalan peluang pendidikan bahasa ibunda pula menyaksikan manifestasi sentimen asli. Daripada perbincangan tersebut, kita memperlihatkan bagaimana tepatnya teori tersebut menggambarkan hubungan dan tarikan manusia terhadap asal usul, iaitu bahasa, peradaban dan komuniti masing-masing. Sentimen asli tersebut seharusnya mendapat pertimbangan dan penghormatan dalam menangani masalah yang timbul akibat pertembungan peradaban dan percanggahan etnik, tanpa penghormatan ke atas sentimen asli tersebut, maka sukarlah isu-isu peradaban ditangani dan hubungan etnik yang harmoni menjadi realiti.